

Empat sekolah di Labuan terpilih untuk ikuti Program Sekolah Transformasi 1.0 dan 2.0



KHAIR (lima kanan) bersama penerima watakah pelantikan Program Sekolah Transformasi 1.0 dan 2.0.

EMPAT sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan telah terpilih mengikut Program Sekolah Transformasi 1.0 dan 2.0 sempena Kolokium Program Sekolah Transformasi (PST) 2016 yang telah berlangsung di Institut Aminudin Baki Cawangan Genting Highlands, baru-baru ini.

Dua sekolah menengah iaitu SMK Taman Perumahan Bedaun yang diwakili Pengetua Jijah Mohd Suhai dan SMK Lajau diwakili oleh Penolong Kanan Pentadbiran Norain Mohamad.

Manakala SK Tanjung Aru diwakili Guru Besar Murni Jaafar dan Dg Sarifah A Mahmud selaku guru besar mewakili SK Sungai Bedaun telah menghadiri kolokium selama dua hari itu.

Pada majlis itu, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Tan Sri Dr Khair Mohamad Yusof telah menyampaikan watakah pelantikan Program Sekolah Transformasi 1.0 kepada

Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun dan Guru Besar SK Tanjung Aru.

Manakala SMK Lajau dan SK Sg Bedaun menerima Watikah Program Sekolah Transformasi 2.0.

Program Sekolah Transformasi (PST) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan sebahagian daripada usaha KPM ke arah meningkatkan pencapaian murid.

Mengaplikasikan amalan terbaik dalam pelaksanaan pengurusan dan kepimpinan serta pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Objektif Program Sekolah Transformasi ialah mengaplikasikan konsep dan amalan terbaik Sekolah Amanah di sekolah harian terpilih dengan kos pengoperasian yang lebih rendah dan membangunkan kepakaran tempatan melalui pendekatan latihan dan bimbingan yang berstruktur kepada Pembimbing Kepimpinan dan Pembimbing Pedagogi serta pemimpin Sekolah Transformasi. Pembiayaan ditanggung sepenuhnya oleh KPM.

Selain itu, menggalak dan mengamalkan pembelajaran murid secara aktif and meningkatkan pemikiran kritis dan kreatif dalam kalangan murid, pembangunan persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan, ilim bilik darjah dan sekolah yang kondusif dan fleksibel, teknik PdP yang kreatif dan berkesan pengurusan sekolah yang cekap dan mengutamakan kemenjadian murid, peningkatan capaian dan penggunaan ICT penglibatan aktif komuniti setempat.

Hadir sama, Sahnudin Ariffin yang mewakili Pengarah Pendidikan Labuan Raisin Saidin yang juga Rakan Elit Sekolah Transformasi Jabatan Pendidikan Labuan.

Dipetik dari : **Utusan Borneo, 7 Disember 2017**